



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH PEMILIHAN PEDAGOGI TERHADAP MOTIVASI PELAJAR BAGI MATA PELAJARAN EKONOMI DALAM KALANGAN GOLONGAN BELIA DI PERAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

YASMIN IZZWANI HASYA BINTI KAMAL HISHAM

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH PEMILIHAN PEDAGOGI TERHADAP MOTIVASI PELAJAR
BAGI MATA PELAJARAN EKONOMI DALAM KALANGAN GOLONGAN
BELIA DI PERAK**

YASMIN IZZWANI HASYA BINTI KAMAL HISHAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIRINI DIKEMUKAKAN SEBAGAI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN (EKONOMI)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PERAKUAN PELAJAR



05-4506832



Saya memperakui bahawa Laporan Projek Tahun Akhir ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan yang tiap-tiap satunya telah diperjelaskan sumbernya.

(YASMIN IZZWANI HASYA BINTI KAMAL HISHAM)

No. Matrik : D20201093830

Tarikh :





PENGESAHAN PENYELIA

PENGARUH PEMILIHAN PEDAGOGI TERHADAP MOTIVASI PELAJAR BAGI
MATA PELAJARAN EKONOMI DALAM KALANGAN GOLONGAN BELIA DI
PERAK

OLEH:

YASMIN IZZWANI HASYA BINTI KAMAL HISHAM (D20201093830)



Projek Tahun Akhir ini telah diterima oleh Program Pendidikan Ekonomi bagi memenuhi
sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Ekonomi dengan
Kepujian pada sesi 2023/2024

(PUAN NURHANIE BINTI MAHJOM)

Pensyarah Penyelia,

Projek Tahun Akhir Ekonomi

Tarikh:





PENGHARGAAN

Syukur dengan limpah kurnia dan keberkatan-Nya, saya dapat menyiapkan kajian ilmiah saya yang bertajuk Pengaruh Pemilihan Pedagogi terhadap Motivasi Pelajar bagi Mata Pelajaran Ekonomi dalam Kalangan Golongan Belia di Perak ini berjaya dihasilkan dengan penuh jayanya.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada Puan Nurhanie Binti Mahjom selaku pensyarah penyelia saya yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan nasihat. Bimbingan dan perhatian yang diberikan oleh beliau sangat membantu sepanjang proses saya menyiapkan kajian ini. Tanpa bimbingan yang baik daripada pensyarah penyelia, projek tahun akhir ini tidak akan berupaya untuk dilaksanakan dengan efisien dan berkualiti.

Ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya, Encik Kamal Hisham Bin Jais dan Puan Halipah Binti Sidek yang sentiasa memberi sokongan, dorongan serta motivasi daripada awal hingga akhir pelaksanaan kajian ini dijalankan. Mereka telah banyak memberikan bantuan dari aspek moral dan kewangan bagi memastikan kajian ini dapat disiapkan dengan jayanya tanpa ada sebarang masalah. Tanpa bantuan dan dorongan daripada mereka, sudah pasti proses pelaksanaan dalam mendapatkan hasil data bagi kajian ini tidak dijalankan dengan lancar dan mudah.

Selain itu, ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dalam proses pelaksanaan kajian ini. Terima kasih tak terhingga kepada rakan-rakan yang tidak jemu memberikan kata-kata semangat, teguran, tunjuk ajar serta memberi sumbangan idea untuk terus berjuang menyiapkan kajian ini. Semoga Tuhan membalas segala budi baik yang ditaburkan dan menjadi kenangan sepanjang hayat.

Akhir kata, penghargaan terima kasih yang tak terhingga kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dengan tujuan menijau “Pengaruh Pemilihan Pedagogi terhadap Motivasi Pelajar bagi Mata Pelajaran Ekonomi dalam Kalangan Golongan Belia di Perak”. Kajian ini terdiri daripada tiga objektif iaitu pertama menentukan peratus pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi. Objektif kedua menentukan hubungan antara profesionalisme guru terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran Ekonomi dalam kalangan golongan belia manakala objektif ketiga pula Menentukan pemilihan pedagogi terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran Ekonomi dalam kalangan golongan belia. Reka bentuk tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Instrumen kajian merupakan soal selidik yang menggunakan skala Likert lima mata. Data dianalisis secara deskriptif dan analisis statistik inferensi menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan, min dan melihat hubungan di antara ~~menjelaskan~~ Kampus Sultan Abdul Jalil Shah pemboleh ubah kajian bagi menjelaskan kedua dua bahagian dalam soal selidik. Instrumen kajian ini memperoleh nilai kebolehpercayaan sebanyak 0.78. Hasil kajian menunjukkan bahawa analisis profesionalisme guru iaitu pedagogi, keperibadian, sosial dan spiritual (kerohanian) dengan motivasi pelajar menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan. Manakala bagi pemilihan pedagogi, belajar sambil bermain mempunyai skor nilai min yang paling tinggi dan menunjukkan bahawa belajar sambil bermain merupakan kaedah pedagogi yang paling berkesan terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran Ekonomi. Implikasi daripada kajian ini dapat menjadi sumber rujukan tambahan kepada pengkaji yang lain berkaitan dengan penguasaan pedagogi dan membantu guru-guru untuk mengetahui keadaan sebenar tahap penguasaan pelajar mereka. Kesimpulannya, keberkesanan profesionalisme guru berkait rapat dengan pemilihan pedagogi untuk menyempurnakan tanggungjawab kepada pelajar.

Kata kunci: pengaruh, pedagogi, motivasi pelajar, Ekonomi, golongan belia



ABSTRACT

This study was conducted with the aim of examining "The Influence of Pedagogical Selection on Student Motivation for Economics Subjects Among the Youth in Perak". This study consists of three objectives, the first of which is to determine the percentage of student achievement in the subject of Economics. The second objective determines the relationship between teacher professionalism and student motivation for Economics among the youth, while the third objective determines the choice of pedagogy for student motivation for Economics among the youth. A survey design was used in this study. The research instrument is a questionnaire that uses a five-point Likert scale. Data were analyzed descriptively and inferential statistical analysis using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software to obtain frequency, percentage, mean values and see the relationship between the study variables to explain both parts of the questionnaire. This research instrument obtained a reliability value of 0.78. The results of the study show that the analysis of teacher professionalism ie pedagogy, personality, social and spiritual (spirituality) with student motivation shows a positive and significant relationship. While for the selection of pedagogy, learning while playing has the highest mean value score and shows that learning while playing is the most effective pedagogical method on student motivation for Economics subjects. The implications of this study can be an additional source of reference for other researchers related to pedagogical mastery and help teachers to know the true state of their students' mastery. In conclusion, the effectiveness of the teacher's professionalism is closely related to the selection of pedagogy to fulfill the responsibility to the students.

Keywords: influence, pedagogy, student motivation, Economy, youth





ISI KANDUNGAN

PERAKUAN PELAJAR	ii
PENGESAHAN PENYELIA	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
BAB 1	1
PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Hipotesis Kajian	6
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	7
1.8 Kepentingan Kajian	8
1.9 Batasan Kajian	11
1.10 Definisi Operational	11
1.10.1 Motivasi Pelajar	11
1.10.2 Pencapaian Pelajar	12
1.10.3 Profesional Guru	12
1.10.4 Pedagogi Guru	13
1.11 Struktur Kajian	14
1.12 Ringkasan Bab	14
BAB 2	15
KAJIAN LITERATUR	15
2.1 Pendahuluan	15
2.2 Motivasi Pelajar	16
2.3 Profesional Guru	17





2.3.1 Kompetensi Pedagogi	18
2.3.2 Kompetensi Keperibadian	18
2.3.3 Kompetensi Sosial	19
2.3.4 Kompetensi Spiritual (Kerohanian)	20
2.4 Pemilihan Pedagogi	20
2.4.1 Sumbang Saran	21
2.4.2 Perbincangan	22
2.4.3 Demonstrasi	22
2.4.4 Belajar sambil Bermain	23
2.5 Teori Pembelajaran	24
2.5.1 Teori Konstruktivisme	24
2.5.2 Teori Pembelajaran Sosial	25
2.6 Rumusan	27
BAB 3	29
METODOLOGI	29
3.1 Pengenalan	29
3.2 Reka Bentuk Kajian	29
3.3 Skop dan Lokasi Kajian	31
3.4 Populasi dan Sampel	32
3.4.1 Populasi	32
3.4.2 Sampel	32
3.4.3 Teknik Pensampelan	34
3.5 Instrumen Kajian	34
3.5.1 Soal Selidik	35
3.6 Prosedur Kajian	36
3.7 Kajian Rintis	37
3.7.1 Kesahan Pakar	38
3.7.2 Kebolehpercayaan	38
3.8 Penganalisisan Data	40
3.9 Rumusan	41
BAB 4	42
DAPATAN KAJIAN	42





4.1 Pendahuluan	42
4.2 Analisis Latar Belakang Responden	42
4.2.1 Jantina	43
4.2.2 Bangsa	43
4.2.3 Lokasi Kajian	43
4.2.4 Peratusan Markah Peperiksaan	44
4.3 Analisis hubungan antara profesionalisme guru terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran Ekonomi	45
4.4 Analisis pemilihan pedagogi terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran Ekonomi dalam kalangan golongan belia	47
4.5 Rumusan	48
BAB 5	49
KESIMPULAN	49
5.1 Pengenalan	49
5.2 Ringkasan Kajian	49
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	52
5.3.1 Menentukan hubungan antara profesionalisme guru terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran ekonomi dalam kalangan golongan belia di Perak	52
5.3.2 Menentukan pemilihan pedagogi terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran ekonomi dalam kalangan golongan belia di Perak	53
5.4 Implikasi Dapatan Kajian	54
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	56
5.6 Kesimpulan	57
RUJUKAN	58
LAMPIRAN	66





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Bilangan Populasi	32
3.2	Analisis Bilangan Sampel Mengikut Table Morgan	33
3.3	Penggunaan Skala Likert 5 Mata dalam Soal Selidik	35
3.4	Interpretasi Nilai Pekali <i>Cronbach's Alpha</i>	39
3.5	Statistik Kebolehpercayaan	39
4.1	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Jantina	43
4.2	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut bangsa	43
4.3	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut sekolah	44
4.4	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut peratusan markah peperiksaan	44-45
4.5	Nilai <i>Person Correlation</i> dan <i>Significant</i>	46
4.6	Nilai min pemilihan pedagogi terhadap motivasi pelajar	47



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

No Jadual		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	7
3.1	Prosedur pengumpulan data	37



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

JERI - Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek

KPM - Kementerian Pendidikan Malaysia

PdP - Pengajaran dan Pembelajaran

PPPM - Pengubahsuaian Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

KBAT - Kemahiran berfikir Aras Tinggi

CVI - Indeks Kesahan Kandungan

SPSS - *Statistical Package For Social Science*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka Surat
Borang Soal Selidik	66-72
Analisis Keputusan SPSS	73-79



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan merupakan proses memperoleh pengetahuan, keterampilan, nilai dan pemahaman melalui pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan di Malaysia yang berteraskan konsep JERI iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek adalah satu usaha bagi berterusan dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Pendidikan sangat penting kepada semua lapisan masyarakat. Oleh itu, pendidikan sangat penting dalam pembangunan sumber manusia yang akan berkhidmat pada negara (Adlina et al., 2020). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha meningkatkan kualiti aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) menerusi pemantapan kompetensi guru secara berterusan seiring pendidikan antarabangsa (Ahmad Syarwan et al., 2023).

Konsep pengetahuan pedagogi asas yang perlu diketahui oleh seseorang guru ialah kaedah dan prinsip pengajaran seperti teknik dan pendekatan yang sesuai untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Ahmad Syarwan et al., 2023). Selain itu, pengetahuan pedagogi merujuk kepada pengetahuan yang mendalam mengenai proses, pendekatan serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. Pengetahuan ini merangkumi kaedah dan teknik untuk mencapai matlamat pendidikan. Guru perlu mempunyai pemahaman umum mengenai pengetahuan pedagogi yang bersesuaian dalam pengurusan kelas, perkembangan, pelaksanaan dan penilaian kurikulum (Nur Aaina & Siti Mistima,



2020). Pedagogi berubah seiring dengan perkembangan penelitian tentang cara orang belajar dan perkembangan teknologi. Pemahaman dan penerapan pedagogi yang efektif memainkan peranan penting dalam memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dalam pertumbuhan dan perkembangan pelajar.

Sistem pendidikan merujuk kepada struktur dan organisasi yang digunakan oleh suatu negara atau wilayah dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada masyarakatnya. Secara umumnya, pendidikan di Malaysia bagi mata pelajaran Ekonomi adalah salah satu bahagian dalam kursus teknik dan vokasional untuk pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kurikulum Ekonomi digubal dengan bertujuan untuk mengajar pelajar konsep asas ekonomi bagi membantu mereka memahami dunia moden dan membuat keputusan yang akan membentuk masa depan (Kaliappan, M.D & Abdul Jalil, N 2023). Pengubahsuaian Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah untuk memastikan kualiti kurikulum sekolah menengah yang dilaksanakan dapat memenuhi piawaian ke-21 dan Kemahiran berfikir Aras Tinggi (KBAT). Oleh itu, bukan sahaja kurikulum mata pelajaran Ekonomi mengalami perubahan, tetapi ia juga menyediakan pelajar ekonomi untuk menghadapi cabaran abad ke-21 seiring dengan matlamat ke arah negara maju dan kemajuan teknologi dalam industri (Kaliappan, M.D & Abdul Jalil, N 2023).

Secara umumnya, pendidikan memiliki peranan yang sangat penting untuk golongan belia atau generasi muda. Pendidikan memberikan sumber pengetahuan dan keterampilan yang diperlukan untuk berfungsi dalam masyarakat moden. Menurut Mohd mahadee et al., (2020), golongan belia terpelajar adalah pewaris dan pemangkin masa hadapan negara. Mereka yang bukan sahaja bakal menerajui kepimpinan negara malah bertanggungjawab menentukan hala tuju negara. Kejayaan masa depan negara bergantung pada kejayaan membangunkan golongan belia atau generasi muda. Dengan pendidikan yang baik, golongan muda mempunyai peluang yang lebih besar untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan profesional dan peribadi.

Bab ini membincangkan secara menyeluruh berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah yang dihadapi oleh golongan belia yang menjadi asbab mengapa kajian





ini dijalankan, kerangka konseptual kajian yang telah dilaksanakan, objektif kajian yang akan dicapai, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Selain itu, terdapat juga berkaitan dengan kerangka teori iaitu menerangkan secara ringkas berkaitan dengan teori asas dan cara teori ini membimbingkan dua perumusan dalam rangka kerja. Teori asas yang digunakan hendaklah wajar bagi hubungan dalam kajian yang dijalankan. Seterusnya, perbincangan berkaitan dengan kepentingan kajian ini dijalankan terhadap kumpulan sasaran, batasan kajian dan definisi secara operasi. Menurut Ulfah & Opan Arifudin (2022),

1.2 Latar Belakang Kajian

Guru adalah individu yang memainkan peranan penting dalam proses pendidikan. Guru memiliki tanggungjawab untuk memberikan pengajaran, membimbing dan mendidik pelajar. Menurut Ulfah & Opan Arifudin (2022), guru berperanan sebagai pendidik, pembimbing, pemimpin, pemproses pembelajaran, model dan teladan yang baik kepada pelajar. Guru boleh menganalisis menggunakan maklumat pelajar untuk membantu mereka dalam proses pembelajaran. Guru juga perlu menggunakan model pembelajaran yang sesuai dengan pendekatan saintifik. Model pembelajaran ialah proses atau pola sistematik yang digunakan untuk membantu pelajar mencapai matlamat mereka. Model pembelajaran termasuk strategi, kaedah, bahan bantu mengajar, alat penilaian dan bahan pendidikan (Sarah Azhari & Febrina, 2021).

Secara umumnya, pedagogi juga dikenali sebagai pedagogi kontemporari, adalah salah satu pendekatan pendidikan baharu terbaik. Ia mempunyai keupayaan untuk membolehkan pelajar menyelesaikan masalah dalam dunia sebenar, terutamanya dengan perkembangan pesat dalam penggunaan teknologi untuk pembelajaran interaktif (O'Donovan, 2020). Selain itu, pedagogi ialah pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar, di mana pelajar mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembelajaran dan menggunakan kemahiran berfikir untuk menyelesaikan tugas. Mendengar secara aktif, berbincang, menganalisis dan mensintesis pengetahuan, menyelesaikan masalah, menilai serta menerapkan nilai dan sikap yang baik adalah semua aktiviti di mana pelajar perlu terlibat. Aktiviti berfikir yang mencapai tahap kognitif tinggi iaitu kemahiran menganalisis,



mensintesis dan membuat penilaian merupakan unsur terpenting. Aktiviti berkumpulan bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk belajar kemahiran intrapersonal dan interpersonal, tetapi ia juga memberi pelajar peluang untuk berfikir dan menyelesaikan masalah secara berkolaboratif dan bekerjasama antara ahli kumpulan. Oleh itu, pedagogi adalah alat yang sesuai untuk digunakan dalam bilik darjah kerana ia mempunyai keupayaan untuk mewujudkan proses pembelajaran yang menyumbang kepada matlamat melahirkan modal insan yang berpendidikan.

Pembelajaran yang menarik boleh memotivasikan pelajar untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi mereka untuk mencapai matlamat pendidikan yang telah ditetapkan. Seseorang guru yang baik mempunyai kualiti yang sangat penting dalam menyampaikan ilmu. Seorang guru tidak hanya diharapkan dapat mengajar, namun seorang guru berperanan untuk meningkatkan minat, motivasi dan hasrat pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh. Hal ini kerana, dengan adanya motivasi belajar yang terbina maka guru mampu menjadikan suasana belajar menjadi menarik dan menyenangkan. Menurut Hestu (2018), motivasi adalah tahap psikologi yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu, sedangkan motivasi belajar adalah tahap psikologi yang mendorong seseorang untuk belajar. Motivasi belajar adalah penting untuk meningkatkan prestasi belajar pelajar dan boleh dikembangkan dan diarahkan untuk mencapai pencapaian yang diharapkan. Kajian ini memfokuskan kepada pedagogi terhadap motivasi pelajar pada mata pelajaran Ekonomi dalam kalangan belia.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Nur Izzatul et al., (2021), kaedah belajar merupakan kaedah yang paling banyak digunakan dalam pengajaran Ekonomi iaitu pelajar banyak menghabiskan masa untuk mendengar serta mencatat nota. Kaedah pembelajaran konvensional juga dikritik kerana tidak berupaya untuk mewujudkan suasana persekitaran pembelajaran yang dinamik dan inovasi serta tidak menggalakkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar (Amin et al., 2018). Malaysia yang masih berfokuskan kepada peperiksaan dan sukanan pelajaran yang

perlu dilaksanakan dalam tempoh yang singkat menyebabkan kebanyakkan guru kekurangan masa untuk merancang aktiviti pengajaran dan menyediakan bahan bantu mengajar yang dapat menarik minat dan menerapkan kemahiran berfikir pelajar. Oleh itu, guru-guru akan menggunakan cara lama dengan menggunakan kaedah penghafalan fakta dan formula serta memberi latih tubi yang berterusan kepada pelajar. Pendekatan pengajaran yang kurang memberi penekanan terhadap kemahiran berfikir juga memberi kesan negatif terhadap tahap kemahiran penyelesaian masalah, kesedaran kendiri, pemikiran kritikal, kreatif dan komunikasi pelajar. Oleh itu, guru menggunakan strategi pengajaran yang kurang berkesan semasa melaksanakan pembelajaran penyelesaian masalah. Hal ini memberi impak yang besar kerana pendekatan pengajaran guru memainkan peranan yang penting dalam merangsang pemikiran pelajar (Pertiwi et al., 2019).

Penguasaan asas guru Ekonomi ditentukan berdasarkan pengetahuan konten yang dimiliki. Inilah yang membezakan guru Ekonomi dengan seorang pakar Ekonomi yang bekerja dalam bidang industri. Kemahiran guru Ekonomi juga menunjukkan kekuatan mereka apabila mereka menggunakan ilmu Ekonomi dalam pengajaran. Menurut Shulman (1987), guru Ekonomi mempunyai keupayaan untuk mengubah isi kandungan yang dikuasai untuk menjadikannya lebih mudah difahami dan selaras dengan kebolehan latar belakang pelajarnya. Sehubungan dengan ini, dapat dikenal pasti bahawa pengetahuan konten tidak hanya bergantung kepada pengetahuan pedagogi dan penguasaan isi kandungan semata-mata, tetapi ia juga bergantung kepada kebolehan guru Ekonomi menyesuaikan kaedah dan teknik pengajaran dengan situasi latar belakang pelajarnya. Di sudut yang lain, dua unsur utama dalam proses mengajar ialah pengetahuan kaedah isi kandungan pelajaran yang boleh diajarkan kepada pelajar dengan cara lebih efektif dan mengetahui masalah pembelajaran yang dialami pelajar, khususnya dalam menguasai isi pelajaran Ekonomi yang disampaikan oleh guru dalam kelas.

Berdasarkan permasalahan ini, kajian ini dilaksanakan dengan memberi tumpuan pengaruh pedagogi terhadap motivasi pelajar dalam mata pelajaran ekonomi. Pengkaji ingin melihat sejauh mana pengaruh pedagogi dapat meningkatkan kemahiran berfikir dan



penyelesaian masalah pelajar serta menjadikan mata pelajaran ekonomi lebih bermakna dan mudah untuk difahami.

1.4 Persoalan Kajian

Penyelidik telah membentuk persoalan kajian bagi melancarkan pencapaian objektif yang telah digariskan iaitu:

- i. Apakah peratus pelajar dalam pencapaian mata pelajaran ekonomi?
- ii. Apakah hubungan antara profesionalisme guru terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran ekonomi dalam kalangan golongan belia?
- iii. Apakah pemilihan pedagogi terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran ekonomi dalam kalangan golongan belia?

1.5 Objektif Kajian



05- Kajian ini dijalankan untuk:

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

- i. Menentukan peratus pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ekonomi.
- ii. Menentukan hubungan antara profesionalisme guru terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran ekonomi dalam kalangan golongan belia.
- iii. Menentukan pemilihan pedagogi terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran ekonomi dalam kalangan golongan belia.

1.6 Hipotesis Kajian


H1: Hubungan antara profesionalisme guru terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran Ekonomi dalam kalangan golongan belia.

H2: Pemilihan pedagogi terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran Ekonomi dalam kalangan golongan belia.



1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1.1, menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini melihat pengaruh pemilihan pedagogi terhadap motivasi pelajar pada mata pelajaran Ekonomi dalam kalangan golongan belia di Perak ialah pencapaian pelajar, pemilihan pedagogi dan profesional guru. Ringkasnya, kajian ini ingin melihat perkaitan di antara pembolehubah bebas iaitu pencapaian pelajar, profesional guru dan pemilihan pedagogi terhadap pemboleh bersandar iaitu motivasi pelajar bagi mata pelajaran Ekonomi.



Sumber: Jurnal Pendidikan Ekonomi, 2018

Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan rajah 1.1 kerangka konseptual kajian, pencapaian pelajar boleh didefinisikan sebagai setakat manakah pencapaiannya dalam apa jua gelagat yang telah dilakukan sebelumnya (Mohd Imran, S.H et al., 2023). Selain itu, kemampuan pelajar untuk mencapai tujuan-tujuan pembelajaran yang telah ditetapkan sebelumnya (Sefri & Gusma, 2023). Pencapaian pelajar bermaksud rekod mengenai kebolehan akademik seseorang pelajar (Wan Muhammad, 2018). Oleh itu, pencapaian pelajar merujuk kepada pencapaian dan kemajuan yang dicapai oleh pelajar dalam tempoh masa tertentu dalam proses pembelajaran. Pencapaian ini boleh diukur dalam pelbagai cara, termasuk gred akademik, penyertaan dalam aktiviti kokurikulum, pembangunan kemahiran dan kesan positif terhadap pembangunan peribadi.



Menurut Sulastri (2020), profesional guru sangat diperlukan supaya proses pembelajaran yang lebih baik sehingga pelajar akan termotivasi untuk belajar dan berprestasi. Profesional guru dilihat daripada kemampuannya untuk mengubah personality dan tahap kecerdasan pelajar dalam kelas ketika pengajaran dan pembelajaran berlaku (Anisah Safiah, 2023). Profesional guru ialah individu yang telah menjalani latihan dan pendidikan khas untuk mendapatkan kelayakan yang diperlukan untuk mendidik pelajar. Profesional guru mempunyai hubungan dengan pelbagai faktor seperti kepimpinan, persekitaran, pembelajaran guru, efikasi kendiri, demografi dan motivasi (Isnomaniza, 2022). Seorang profesional guru memahami perkara yang diajar dengan baik dan terus mengemaskini pengetahuannya mengikut perkembangan terkini.

Pedagogi guru yang berkaitan dengan kemampuan memahami pelajar dan menyampaikan pembelajaran sesuai dengan karakteristik tersebut secara tepat (Aditya Ebyatiswara et al., 2023). Menurut Sensius Amon & Ivo Sastri (2023), pentingnya pedagogi guru dalam berbagai perkembangan yang terjadi dan memerlukan peranan guru yang lebih baik didorong oleh kemampuan penguasaan teknologi informasi kepada pendidik dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai pendidik, pengajar maupun pembimbing. Menurut Cristi et al., (2023), pedagogi guru ialah kemampuan guru mengelola pembelajaran yang mendidik, dialog dan yang berkenaan dengan pemahaman pelajar seperti pemahaman terhadap pelajar, perancangan dan pelaksanaan pembelajaran serta pengembangan pelajar untuk mengembangkan pelbagai potensi yang dimiliki. Pemahaman yang mendalam tentang pedagogi membantu guru menjadi fasilitator pembelajaran yang berkesan dan memberi sumbangan positif kepada perkembangan pelajar.

1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini ialah seperti berikut:

- i) Pelajar





Kesediaan pelajar dalam proses pembelajaran adalah sangat penting kerana ia memberi kesan yang ketara kepada tahap penguasaan pelajar terhadap kandungan pelajaran. Menurut Zurina et al., (2021), salah satu faktor penting untuk guru mengubah suai pengajaran ialah tahap kesediaan pelajar. Terdapat tiga faktor utama dalam kesediaan pelajar untuk belajar: (i) murid mempunyai tahap pengetahuan latar belakang yang berbeza, (ii) murid mempunyai pengalaman pembelajaran yang berbeza di sekolah dan (iii) murid mempunyai tahap kemahiran yang berbeza dalam isi kandungan yang diajar oleh guru. Elemen kesediaan adalah penting kerana ia merupakan suatu petunjuk permulaan sama ada pelajar dapat menguasai atau tidak isi kandungan pelajaran. Pelajar akan berminat untuk belajar sekiranya mereka mempunyai tahap kesediaan belajar yang tinggi, tetapi jika tahap kesediaan pelajar rendah, pelajar tidak akan berminat untuk meneruskan sesi pembelajaran dan pelajar cepat berasa bosan. Pelajar juga perlu bersedia untuk menerima kaedah-kaedah pengajaran guru yang baharu (Zurina et al., 2021). Kesediaan pelajar sangat penting dalam menghadapi kaedah pengajaran yang baharu.

Hasil daripada pemahaman pelajar tentang isi kandungan pelajaran yang diajar oleh guru membolehkan pelajar memilih pelbagai cara untuk menunjukkan hasil pemahaman mereka kepada guru. Ini termasuk seperti menyediakan buku skrap, portfolio, menulis teks, menyampaikan hasil kajian melalui *Power Point*, menunjukkan hasil temu bual dan sebagainya (Zurina et al., 2021). Produk ialah hasil yang ditunjukkan oleh pelajar tentang pengetahuan dan kefahaman yang diperolehi daripada penyampaian isi kandungan guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Produk adalah hasil terakhir iaitu pencapaian pelajar selepas proses pengajaran dan pembelajaran seperti projek, ujian dan persembahan. Oleh itu, tindak balas pelajar kepada persoalan guru tidak dirujuk sebagai produk kerana produk ialah hasil terakhir iaitu pencapaian pelajar. Untuk membezakan pencapaian, guru memberikan pelajar pelbagai jenis bahan berdasarkan kecenderungan pembelajaran pelajar, termasuk kesediaan belajar, minat dan profil pembelajaran serta menilai hasil pelajar mengikut apa yang mereka persembahkan.





ii) Guru

Guru merupakan individu yang mulia dan terhormat. Guru memainkan peranan yang penting bagi memastikan kemajuan suatu bangsa dan mengalas tanggungjawab yang tidak mudah. Guru diharapkan agar mampu menguasai berbagai keterampilan yang diperlukan bagi menjadikan seorang guru yang profesional. Guru yang mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pedagogi dapat melibatkan pelajar secara aktif dalam pelajaran. Gaya seorang guru mengajar akan menyebabkan pelajar tertarik dan menjadikan pelajar lebih bermotivasi dan berminat untuk belajar dengan bersungguh-sungguh.

Menurut Aulia Akbar (2021), kebolehan guru termasuk kebolehan pedagogi, kebolehan kepribadian, kebolehan sosial dan kebolehan profesional. Dengan mempelajari lebih mendalam tentang pengajaran dan pembelajaran serta setiap komponennya, guru mempunyai keupayaan untuk mengenal pasti aspek yang perlu diberi tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini membolehkan pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan dan objektif pengajaran guru secara tidak langsung akan tercapai.



iii) Golongan Belia

Belia merupakan asas atau tulang belakang kepada keutuhan dan kekuatan sesuatu bangsa dan negara. Pembangunan belia adalah satu agenda yang penting untuk memenuhi aspirasi negara memandangkan golongan ini adalah aset yang amat bernilai dan perlu digilap potensinya agar mereka dapat membawa perubahan positif kepada kesejahteraan sosioekonomi negara. Ini amat penting kerana cabaran yang akan dihadapi oleh generasi muda adalah lebih besar dan kompleks dan memerlukan persediaan diri yang baik, (Astro Awani, 2019). Penglibatan orang muda dalam pembangunan negara yang berorientasikan pengetahuan dan kemahiran mampu menyiap-siagakan mereka untuk menyahut cabaran masa hadapan. Inisiatif kerajaan untuk memperkasakan generasi muda hari ini termasuk memberi tumpuan kepada aspek kebolehpasaran, ekonomi dan keusahawanan, sosial, pendidikan, agama dan akhlak. Golongan belia harus sedar bahawa tanpa ilmu dan pengetahuan yang tinggi, mereka tidak akan berjaya atau membawa negara ke mercu kejayaan masa depan. Oleh itu, setiap individu perlulah mempunyai pengetahuan mengenai ekonomi terutamanya ketika negara mengalami inflasi. Dengan





adanya pengetahuan dalam ekonomi, semua individu termasuklah golongan belia akan mempunyai strategi pengurusan kewangan yang baik.

1.9 Batasan Kajian

Beberapa batasan kajian telah dikenal pasti semasa menjalankan kajian ini. Contohnya kajian yang dilaksanakan hanya terhadap golongan belia di Perak sahaja. Memandangkan kajian ini dijalankan dalam satu tempoh yang singkat, maka hanya 100 sahaja responden dalam kalangan golongan belia iaitu di sekolah yang dipilih untuk terlibat dengan kajian yang dijalankan.

Selain itu, terdapat beberapa limitasi yang dihadapi oleh pengkaji dalam menentukan tempat kajian kerana jarak dan masa yang diperuntukan ini menjadi pertimbangan utama dalam memastikan kajian yang dijalankan dapat berjalan seperti yang dirancang. Ini adalah kerana beberapa faktor yang dipertimbangkan seperti masa.

Maklumat yang diperolehi juga mungkin tidak dapat menjawab persoalan dan memberi gambaran yang sepenuh untuk melihat impak kepada hasil kajian yang ingin dijalankan. Hal kerana hasil kajian juga bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan melalui borang soal selidik. Sekiranya responen tidak menjawab dengan jujur. Perkara ini boleh menyebabkan keputusan yang diperolehi oleh pengkaji tidak tepat.

1.10 Definisi Operational

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini untuk memberi kefahaman yang lebih baik kepada pembaca iaitu;

1.10.1 Motivasi Pelajar

Menurut Mohd Imran, S.H et al., (2023), motivasi ialah keadaan dalaman yang menggerakkan dan memberi arah kepada tingkah laku, perasaan dan pemikiran seseorang. Motivasi ialah dorongan yang berasal dari dalam ataupun dari luar diri untuk mencapai



sasaran dan tujuan yang dibuat sebelumnya, baik sasaran kumpulan maupun sasaran individu (Gustini et al., 2023). Menurut Ahmad Yani (2022), motivasi ialah suatu proses keperluan yang mendorong seseorang untuk melakukan kegiatan yang mengarah ketercapaian tujuan tertentu. Maka dalam penyelidikan ini motivasi pelajar dapat didefinisikan proses yang mendorong pelajar untuk belajar dengan bersungguh-sungguh dan memberi tumpuan sepenuhnya dalam pelajaran. Motivasi yang kuat dapat membantu pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi mengatasi halangan dan mencapai pencapaian yang lebih baik dalam pembelajaran mereka.

1.10.2 Pencapaian Pelajar

Pencapaian pelajar merangkumi enam tingkat kognitif iaitu ingatan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan evalusi (Seftri & Gusma 2023). Menurut Erwin (2022), pencapaian pelajar ialah sebuah pencapaian yang diperoleh oleh seseorang sebagai hasil dari kegiatan belajar. Pencapaian akademik ialah kemajuan yang dicapai melalui usaha dan ketekunan seseorang untuk menguasai pengetahuan atau kemahiran yang dipelajari berdasarkan nilai mata yang diperoleh (Mohd Imran, S.H et al., 2023). Maka dalam penyelidikan ini, pencapaian pelajar dapat didefiniskan sebagai keputusan keseluruhan atau gred kemajuan dan tahap pengetahuan pelajar yang diukur melalui ujian penilaian atau peperiksaan mata pelajaran Ekonomi yang dijalankan di sekolah.

1.10.3 Profesional Guru

Menurut Sulastri (2020), kecekapan profesional guru merupakan salah satu dari kecekapan profesional guru yang memegang peranan penting untuk meningkatkan mutu pembelajaran pelajar. Guru yang profesional akan mampu melaksanakan strategi pembelajaran dan menyediakan bahan bantu mengajar dengan baik serta tidak hanya berorientasikan kepada belajar sahaja tetapi pada proses perkembangan potensi pelajar yang meliputi aspek kognitif dan afektif. Menurut Abd Hamid (2020), bahawa profesion ialah pekerjaan yang memerlukan pengetahuan, kemahiran dan kemahiran khusus yang sengaja dipelajari untuk kepentingan orang lain. Seorang guru profesional pada asasnya ialah seorang guru yang mempunyai kesedaran kolektif dan lengkap tentang kedudukannya sebagai seorang pendidik. Kriteria profesional guru seperti kemahiran pedagogi, keperibadian



(keterampilan), sosial dan spiritual (kerohanian). Guru memerlukan kecekapan profesional yang mahir untuk membentuk pelajar yang berdaya maju (Anisah Safiah, 2023). Kecekapan bukan sekadar pengetahuan atau kemahiran, ia merangkumi keupayaan untuk memenuhi permintaan yang kompleks dengan menggunakan dan menggerakkan sumber psikososial dalam situasi tertentu. Maka dalam penyelidikan ini, profesional guru dapat didefinisikan sebagai kemampuan seseorang guru melaksanakan strategi pengajaran dan pembelajaran serta penguasaan sesuatu topik dengan baik. Guru profesional bukan sahaja menumpukan kepada penyampaian ilmu, tetapi juga berusaha membentuk sahsiah dan membantu pelajar mencapai potensi penuh mereka dalam kehidupan.

1.10.4 Pedagogi Guru

Pedagogi guru merupakan keupayaan seseorang guru dengan pemahaman terhadap pelajar dan kaedah pengelolaan pembelajaran yang mendidik. Pedagogi menuntut agar seseorang guru dapat memahami perkembangan pelajar, memahami rancangan pengajaran dan pembelajaran, memahami bagaimana pelaksanaan pembelajaran, memahami bagaimana pelajar menggunakan kemahiran yang dimilikinya, (Aulia Akbar, 2021). Ilmu dan kecekapan pedagogi guru ialah peningkatan kualiti pembelajaran kepada pelajar sehingga terjadi perkembangan potensi dan mampu menunjukkan sikap terpuji (Sensius Amon & Ivo Sastri, 2023). Kecekapan pedagogi merupakan salah satu jenis kecekapan mutlak yang perlu dikuasai guru. Kecekapan pedagogi ialah kemampuan mengelola pembelajaran pelajar yang meliputi semua aspek seperti pemahaman pelajar, perancangan dan pelaksanaan pembelajaran, penilaian hasil belajar dan pengembangan pelajar untuk mengembangkan berbagai potensi yang dimilikinya, (Eka Andiriawati, 2015). Maka dalam penyelidikan ini, pedagogi guru dapat didefinisikan sebagai kemahiran dan kemampuan seseorang guru Ekonomi dalam mengendalikan kelas dengan menggunakan kaedah dan teknik pedagogi yang bersesuaian bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.





1.11 Struktur Kajian

- i) Bab 1 - Dalam bab 1, pengkaji menghuraikan berkaitan dengan aspek-aspek kajian seperti tajuk, latar belakang, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, struktur kajian dan rumusan.
- ii) Bab 2 – Dalam bab ini, pengkaji menghuraikan pengenalan, konteks kajian, penjelasan konstruk, pembangunan hipotesis dan juga rumusan.
- iii) Bab 3 – Dalam bab 3 ini pula, pengkaji menghuraikan berkaitan metodologi kajian yang terdiri daripada pengenalan, reka bentuk penyelidikan, penetapan penyelidikan dan skop, populasi dan sampel, item ukuran, kajian rintis, pengumpulan data dan ringkasan
- iv) Bab 4 – Dalam bab 4, pengkaji menghuraikan berkaitan hasil dapatan kajian daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi di Perak.
- v) Bab 5 – Dalam bab 5, pengkaji menghuraikan rumusan, perbincangan dan cadangan dalam dapatan yang diperoleh daripada kajian ini.

1.12 Ringkasan Bab

Di dalam bab ini, pengkaji telah menjelaskan latar belakang mengenai kajian pengaruh pedagogi terhadap motivasi pelajar bagi mata pelajaran Ekonomi dalam kalangan golongan belia di Perak. Beberapa isu yang wujud dalam pengaruh pedagogi terhadap motivasi pelajar turut dikemukakan bagi menyokong permasalahan kajian ini. Pengkaji juga telah mengemukakan tiga objektif kajian, persoalan kajian serta hipotesis kajian. Beberapa kepentingan dan batasan kajian turut dijelaskan. Pengkaji turut menjelaskan definisi pemboleh utama iaitu motivasi pelajar, pencapaian pelajar, pedagogi dan profesional guru supaya tidak berlaku kesilapan tafsiran dalam kajian ini.

